

MODUL PINTAS 2026

TINGKATAN LIMA

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Peraturan Pemarkahan



1103/1

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa bentuk media.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 18 halaman bercetak.

KERTAS 1

Markah penuh : 100 markah

1.0 Tujuan Pengujian: Untuk menguji kebolehan calon dalam kemahiran;

- 1.1 Membina, mengumpul, memilih dan menyusun atur idea-idea, hujah-hujah dan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk karangan.
- 1.2 Melahirkan idea, pendapat, hujah, pengalaman dan perasaan dengan bahasa yang jelas dan berkesan.
- 1.3 Menguasai teknik mengarang pelbagai bentuk karangan dan menggunakannya untuk pelbagai tujuan, menguasai penggunaan perenggan-perenggan dan tanda-tanda baca pada tempat-tempat dan keadaan yang sesuai.
- 1.4 Menulis dengan bahasa yang kemas, lancar dan jelas, struktur ayat yang betul dan gaya bahasa yang menarik serta bersesuaian dengan tajuk karangan.

2.0 Langkah-langkah Pemeriksaan

- 2.1 Pemeriksa hendaklah membaca setiap karangan dengan telitinya untuk mendapatkan kesan daripadanya, selepas itu menilai dan menganggarkan tahap karangan itu agar dapat dimasukkan ke dalam peringkat tertentu mengikut kriteria yang ditetapkan.
- 2.2 Pemeriksa membaca karangan itu kali kedua sambil menurunkan tanda-tanda pemeriksaan dan menetapkan markah berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan
[30 markah]**

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30 (28 – 30) (26 – 27)	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. - Huraian jelas dan matang. <u>Bahasa</u> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata yang luas dan tepat. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Penggunaan *ungkapan menarik yang sesuai dan tepat. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai. *Ungkapan menarik: peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.
Kepujian	20 – 25 (23 – 25) (20 – 22)	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> Idea relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. - Huraian jelas. <u>Bahasa</u> Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata yang luas. - Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. - Ejaan yang betul mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. - Penggunaan tanda baca betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas. - Wacana lengkap. - Pemerenggan sesuai.

Memuaskan	15 – 19 (17 – 19) (15 – 16)	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan masih menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. - Huraian masih jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. - Penggunaan kosa kata dan masih luas/ terhad. - Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. - Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Laras bahasa masih sesuai mengikut tugas. - Wacana masih lengkap. - Pemerenggan masih sesuai.
Penguasaan minimum	10 – 14 (12 – 14) (10 – 11)	<u>Tema/ Tugas</u> - Karangan kurang menepati tema bahan rangsangan/ tugas. <u>Idea</u> - Idea kurang relevan dengan tema bahan rangsangan/ tugas. - Huraian kurang jelas. <u>Bahasa</u> - Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. - Kesalahan-kesalahan tata bahasa ketara. - Penggunaan kosa kata terhad. - Unsur bahasa yang digunakan kurang bervariasi. - Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan kurang menarik. - Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas. - Wacana kurang lengkap. - Pemerenggan kurang sesuai.

Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 9 (6 – 9) (1 – 5)	• Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. • Idea tidak menepati tema bahan rangsangan/ tugas. • Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.
--	--	---

 **SERTAI TELEGRAM** @exercise_students

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**[70 markah]**

KRITERIA	DESKRIPSI
1. BAHASA (Mekanis)	• Kegramatisan – kata (morfologi) – ayat (sintaksis) • Tanda baca • Ejaan
2. IDEA (ISI)	• Tema • Isi utama • Pengembangan (huraian/ bahasan/ hujahan/ contoh) • Kerelevanan
3. PENGOLAHAN	• Wacana • Logik • Pemerenggan • Laras/ format
4. GAYA BAHASA	• Keindahan bahasa • Ungkapan • Peribahasa

Bahagian B: Karangan Respons Terbuka

[70 Markah]

KRITERIA PENSKORAN

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	64 – 70 (68 – 70) (64 – 67)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas dan matang. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat. • Ejaan dan tanda baca yang betul. • Penggunaan unsur bahasa bervariasi. • Gaya bahasa amat menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan sangat menarik dan berkesan. • Pemerenggan yang sesuai. • Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. • Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Kepujian	55 – 63 (59 – 63) (55 – 58)	<u>Tugasan</u> • Karangan menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea relevan mengikut tugas. • Huraian jelas. • Contoh yang sesuai. <u>Bahasa</u> • Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat. • Penggunaan kosa kata luas dan tepat.

		- Ejaan dan tanda baca yang betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan menarik dan berkesan. - Pemerenggan yang sesuai. - Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan. Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Baik	45 – 54 (50 – 54) (45 – 49)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian masih jelas. - Contoh masih sesuai. <u>Bahasa</u> - Penggunaan pelbagai jenis ayat yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum. - Penggunaan pelbagai jenis kata yang sesuai. - Penggunaan kosa kata umum. - Ejaan dan tanda baca yang masih betul. - Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi. - Gaya bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> - Pengolahan masih menarik. - Pemerenggan masih sesuai. - Wacana masih lengkap. - Laras bahasa sesuai mengikut tugas.
Memuaskan	35 – 44 (40 – 44) (35 – 39)	<u>Tugasan</u> - Karangan masih/ kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> - Idea masih relevan mengikut tugas. - Huraian kurang jelas. - Contoh kurang sesuai.

		<u>Bahasa</u> • Ayat kurang gramatis. • Penggunaan pelbagai jenis kata yang terhad. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Ejaan dan tanda baca yang betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum. • Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi. • Gaya bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan kurang menarik. • Pemerenggan kurang sesuai. • Wacana masih/ kurang lengkap. • Laras bahasa kurang sesuai mengikut tugas.
Penguasaan minimum	21 – 34 (30 – 34) (21 – 29)	<u>Tugasan</u> • Karangan kurang menjawab tugas. <u>Idea</u> • Idea masih relevan mengikut tugas/ bercampur aduk. • Huraian tidak jelas/ tidak berkembang. • Contoh yang tidak sesuai. <u>Bahasa</u> • Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. • Penggunaan kata kurang tepat. • Penggunaan kosa kata umum dan terhad. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara. • Penggunaan unsur bahasa tidak bervariasi. • Gaya bahasa lemah dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan. <u>Pengolahan</u> • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai/ tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
Tidak mencapai tahap penguasaan minimum	1 – 20 (11 – 20) (1 – 10)	• Keseluruhan karangan sukar/ tidak difahami. • Idea tidak relevan/ bercampur aduk dan huraian tidak jelas/ tidak berkembang serta contoh tidak sesuai. • Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis. • Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara.

		• Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik. • Pengolahan tidak menarik. • Pemerenggan tidak sesuai dan tidak seimbang. • Wacana tidak lengkap.
--	--	---

2.3 Pemeriksa hendaklah memberi **komen** pada karangan yang diperiksa.

3.0 Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

()	=	Kesalahan isi
_____	=	Kesalahan bahasa, rangkai kata dan perkataan
/	=	Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)
//	=	Kesalahan ejaan yang berulang
	=	Kesalahan tanda baca

SOALAN BAHAGIAN A (30 MARKAH)

1. Format penulisan komen :

Jumlah perkataan

Peringkat - markah

T - menjawab tugas

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan program RIMUP dalam kalangan murid berbilang kaum di sekolah.

*Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **program RIMUP** dalam kalangan murid berbilang kaum di sekolah.*

2. **Kehendak/tugasan soalan :**

- i. Calon mestilah menghuraikan **manfaat-manfaat/kebaikan-kebaikan/faedah-faedah program RIMUP dalam kalangan murid di sekolah.**
- ii. Calon dikehendaki menjawab berdasarkan maklumat (idea utama) yang diberikan iaitu:
 - memupuk perpaduan dalam kalangan murid berbilang kaum
 - mereka belajar untuk bekerjasama
- iii. Calon perlu **menyentuh semua bahan sama ada** sebagai idea utama, idea sampingan, contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iv. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **manfaat-manfaat/kebaikan-kebaikan/faedah-faedah program RIMUP dalam kalangan murid di sekolah** diterima dan disemak seperti biasa.
- v. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vii. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- viii. **Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTMPM)**

SOALAN BAHAGIAN B

1. Format penulisan komen:

Jumlah perkataan

Peringkat - markah

T - menjawab tugas

I - relevan, huraian jelas

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P - menarik dan berkesan

Soalan 1

Arca awam ialah karya seni yang memperlihatkan kreativiti pengarca dalam penghasilan bentuk unik. Arca Tugu Negara di ibu kota Kuala Lumpur, tiga arca kucing di bandar raya Kuching, dan arca ikan todak di bandar raya Kota Kinabalu merupakan sebahagian daripada landskap bandar yang terus dipamerkan sebagai karya seni dengan nilai estetika yang wajar dihargai.

Sumber: Risalah Pelancongan Art in The City

Sebagai respons kepada petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk memelihara seni tersebut.

Kehendak soalan/tugas:

Calon dikehendaki **menghuraikan usaha-usaha memelihara seni arca awam di Malaysia.**

Kemungkinan jawapan:

Calon menghuraikan usaha-usaha memelihara seni secara umum - maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

Dalam belanjawan 2023, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana industri pelancongan merupakan antara sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi negara. Tidak dinafikan bahawa Malaysia kaya dengan warisan sejarah dan keindahan alam semula jadi. Malaysia juga terkenal sebagai syurga beli-belah yang popular dalam kalangan pelancong dari seluruh dunia.

Sumber: www.bernama.com

Berdasarkan petikan di atas, huraikan keistimewaan-keistimewaan tersebut.

Kehendak soalan/tugasan:

Calon dikehendaki **menghuraikan keistimewaan destinasi pelancongan di Malaysia** iaitu:

- (i) kaya dengan warisan sejarah
- (ii) keindahan alam semula jadi
- (iii) syurga beli-belah

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan - terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 3

Penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi, pendidikan dan komunikasi harian dapat memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum. Bahasa ini sentiasa digunakan secara meluas dan terus diutamakan dalam pelbagai bidang. Sehubungan dengan itu, setiap rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, agama dan kepercayaan perlu menggalas tanggungjawab untuk memartabatkan bahasa Melayu di Malaysia dan pada peringkat antarabangsa.

Sumber: www.jendeladbp.dewanbudaya.com

Huraikan kepentingan yang dinyatakan dalam petikan berserta kepentingan-kepentingan lain penggunaan bahasa tersebut.

Kehendak/tugasan soalan:

Calon dikehendaki membincangkan **kepentingan penggunaan bahasa Melayu yang dinyatakan dalam petikan serta kepentingan-kepentingan lain penggunaan bahasa tersebut** iaitu:

- (i) memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum
- (ii) dan idea-idea yang lain

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea luar sahaja maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

Soalan 4

Vandalisme ialah tabiat seseorang membinasakan harta benda awam. Sebarang perbuatan seperti menconteng, mengotorkan atau merosakkan harta benda awam dianggap sebagai vandalisme. Gejala vandalisme ini turut berlaku di sekolah kerana murid menganggap tabiat ini sebagai satu cara untuk melepaskan geram kepada orang lain. Tabiat buruk ini turut menjadi masalah utama yang dihadapi oleh pihak sekolah.

Sumber: www.lamintang.org

Selain punca yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan punca-punca lain berlakunya tabiat tersebut.

Kehendak soalan/tugasan:

Calon hendaklah **menghuraikan punca-punca berlakunya tabiat vandalisme dalam kalangan murid sekolah kecuali punca yang dinyatakan dalam petikan *iaitu*:**

- (i) satu cara untuk melepaskan geram kepada orang lain

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan idea dalam dan luar petikan maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan idea dalam petikan sahaja maksimum peringkat **BAIK**.

NOTA:

- Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM**.
- Bilangan perkataan 511 ke atas – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
- Bilangan perkataan 339 ke bawah – maksimum peringkat **BAIK**.

Perkataan yang dikira sebagai **satu** patah perkataan.

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis/Al-Quran/Kata-kata Tokoh
7. Penanda wacana
8. Tajuk (rencana/surat)
9. Kata Sendi 'di ... (rumah)' dan 'ke ... (sana)'
10. Angka
11. Kata majmuk

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT

MODUL PINTAS TINGKATAN 5 (SET 2)

1103/2 (PP)

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Peraturan Pemarkahan



UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

Markah penuh: 100 markah

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagikan kepada

- Soalan 1 : 8 markah
- Soalan 2 : 6 markah
- Soalan 3 : 10 markah
- Soalan 4 : 5 markah
- Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap **kata kerja tak transitif** yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata kerja tak transitif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca dengan betul.
4. Sekiranya beberapa kata kerja tak transitif yang telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata kerja tak transitif yang dinyatakan salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan, berikan 0 markah.
7. Kata kerja tak transitif digunakan sebagai kata ganda, kata nama khas atau peribahasa, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan jawapan.

Soalan 1 – Morfologi

Kata kerja tak transitif

(i) menjadi

1. bekerja atau bertindak sebagai
2. memenangi jawatan atau kedudukan tertentu dalam sesuatu pertandingan, pemilihan dsb.
3. berubah atau beralih kepada rupa, keadaan, atau bentuk yang lain



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(ii) berteraskan

1. menjadikan sesuatu sebagai teras, dasar atau asas bagi sesuatu pendapat, fahaman, tindakan dan sebagainya

(iii) berbuat

1. berlaku atau bertindak ke arah (berbuat kebaikan; berbuat kebajikan dll)
2. berkelakuan atau bertindak dengan cara (berbuat zalim; berbuat keji; berbuat baik dll)

(iv) hilang

1. (berkenaan dengan seseorang atau sesuatu) tidak ada lagi pada seseorang atau di tempat yang sepatutnya kerana tersalah letak, tercicir, dilarikan orang dan lain-lain
2. (berkenaan kepercayaan, perasaan, semangat dan lain-lain) tidak lagi dirasai, dimiliki, dialami dan sebagainya.
3. tidak kelihatan, tidak kedengaran atau tidak berbau lagi.
4. (berkenaan suara) tidak dapat dikeluarkan dengan baik kerana masalah kesihatan, terlalu banyak menjerit atau bercakap dan sebagainya
5. (berkenaan berat badan) menjadi kurang daripada asal selepas giat bersenam, kerana sakit dan lain-lain.
6. sudah tidak dikenang lagi atau telah dilupakan
7. meninggal dunia (bahasa klasik)

(v) terpancar

1. keluar memancut atau memercik
2. tergambar atau terlihat
3. (kata-kata) keluar daripada mulut atau terbit dalam hati

[Maksimum: 8 markah]

Soalan 2 – Sintaksis

- (i) **Subjek** : bahawa ayah juga merupakan insan yang begitu bermakna dalam kehidupan kita 1
Predikat : perlu kita sedari 1
- (ii) **Subjek** : ayah 1
Predikat : turut memainkan peranan yang besar walaupun ada sebilangan orang menganggap peranan ibu lebih utama 1
- (iii) **Subjek** : Kedua-duanya 1
Predikat : memainkan peranan yang besar untuk menentukan kehidupan anak-anak 1

[Maksimum: 6 markah]**Soalan 3 – Penyuntingan**

- | | |
|----------------------------|------------------|
| (i) kenaikan | - peningkatan |
| (ii) di | - pada |
| (iii) menggubah | - menggubal |
| (iv) menekankan tentang | - menekankan |
| (v) eko-sistem | - ekosistem |
| (vi) Selain daripada itu | - Selain itu |
| (vii) bermanfaat | - dimanfaatkan |
| (viii) menggembeling | - menggembleng |
| (ix) diperkukuhkan | - diperkukuh |
| (x) kemapanan | - kemampanan |
| (xi) dibudayakan oleh kita | - kita budayakan |

[Maksimum: 10 markah]

Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4

Deskripsi	Markah
	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	5
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>masih</i> gramatis	4
Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis	
Isi cukup, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan <i>kurang</i> gramatis	
Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat <i>tidak</i> gramatis	1
Ayat disalin bulat-bulat	0
Isi tidak mengikut urutan	

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Sembah Kertala Sari, “Jika tuanku mahu menitahkan patik, lebih baik jika patik dihantarkan segera ke Melaka bersama-sama sebuah perahu supaya patik dapat melaksanakan titah paduka Betara.”

Seri Betara bertitah, “Wahai Patih Gajah Mada, hantarlah Kertala Sari dengan segera ke Melaka.” Patih Gajah Mada menyediakan sebuah perahu bersama dengan sepuluh orang yang pergi/mengiringi Kertala Sari. Setelah lengkap, Kertala Sari pun belayar.

[Maksimum: 5 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Peribahasa yang sama maksud

- (i) **cekur jerangau belum habis lagi** [1 + 1]
 - Berumur setahun jagung, berdarah setampuk pinang
 - Cekur jerangau ada lagi di ubun-ubun
- (ii) **harapkan burung terbang tinggi, punai di tangan dilepaskan** [1 + 1]
 - Mendengarkan guruh di langit, air tempayan dicurahkan
 - Harapkan guruh di langit, air tempayan ditumpahkan
 - Yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- (iii) **sebab nila setitik, rosak susu sebelanga** [1 + 1]
 - Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit
 - Ikan sekambu rosak oleh ikan seekor
 - Ikan seekor rosakkan ikan setajau
 - Seruas tebu yang berulat, sebatangnya dibuang
 - Seekor kerbau berkubang, sekandang kena luluknya

(Peribahasa lain yang sama maksud boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13** markah

Soalan 7 : **12** markah

Soalan 8 : **10** markah

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sepurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat gramatis	2
Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup/ ayat tidak gramatis	1
Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
Jawapan salah	0

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
Isi cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan	1
Jawapan salah	0

3. Soalan 4 markah: Pemahaman berdasarkan teks, unsur KBAT dan novel

DESKRIPSI	MARKAH
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat <i>kurang</i> gramatis	3
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (2 isi) / menyentuh semua bahan/ relevan dengan tugas/ ayat <i>kurang</i> gramatis	2
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat gramatis	
Isi tidak cukup (1 isi) / tidak menyentuh semua bahan/ ayat <i>kurang</i> gramatis	1
Jawapan salah	0

Soalan 6 – Pemahaman Petikan Umum**(i) Maksud *pengawalan rapi***

- penjagaan / pengawasan elok / teratur / ketat / teliti 2
- *pengawalan* elok / teratur / ketat / teliti 1
- penjagaan / pengawasan *rapi* 1

[Maksimum : 2 markah]**(ii) Langkah-langkah untuk menangani jenayah dalam kalangan remaja****Bahan 1**

- P1 kempen kesedaran terhadap kes jenayah harus didedahkan pada peringkat awal usia
- P2 ibu bapa perlu memberikan pendidikan agama sejak kecil
- P3 ibu bapa juga berperanan penting dalam memantau pergerakan anak mereka

Bahan 2

- P4 ibu bapa perlu bijak mendidik anak-anak mereka
- P5 pihak berkuasa perlu mewujudkan konsep bandar dan pekan selamat

Bahan 3

- P6 mewujudkan Kelab Antijenayah Sosial di sekolah
- P7 memantapkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]****(iii) Punca-punca lain berlakunya masalah ini (masalah jenayah dalam kalangan remaja)**

- P1 keluarga tidak harmoni
- P2 masalah ekonomi
- P3 pengaruh media sosial dan hiburan
- P4 kurang pendidikan moral dan agama
- P5 persekitaran sosial tidak sihat
- P7 pengaruh dadah dan alkohol

(Punca yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Sebagai seorang jiran yang bertanggungjawab, tindakan-tindakan yang perlu saya lakukan**

- P1 mengambil gambar atau video sebagai bukti
- P2 melaporkan kepada pihak berkuasa / pengawal keselamatan
- P3 meminta bantuan jiran lain
- P4 menelefon / menghubungi pemilik rumah
- P5 memberitahu ahli keluarga

(Cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera**(i) Perkara yang tidak disangka oleh Mak Timah tentang keadaan Pungut**

- P1 Pungut tidak akan besar-besar seperti sekarang ini
- P2 Pungut akan bisu dan pekak
- P3 Pungut akan secacat ini
- P4 Pungut cacat segala-galanya

[Maksimum : 2 markah]**[Isi cukup : 2 isi]****(ii) Harapan yang diimpikan oleh penyajak dan Mak Timah****Bahan 1**

- P1 berikan mereka panduan
- P2 menitipkan doa (titipkan bisikan doa)
- P3 perlu dihargai

Bahan 2

- P4 Pungut akan besar seperti manusia lain, (seperti gadis-gadis lain)
- P5 Pungut akan membesar seperti gadis-gadis lain
- P6 Pungut besar dan bekerja untuk membantunya
- P7 menjaganya apabila dia telah tua

Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iii) Bentuk-bentuk bantuan yang boleh diberikan oleh pihak sekolah kepada murid-murid tersebut (Murid Berkeperluan Khas)**

- P1 menyediakan kemudahan fizikal mesra MBK
- P2 mengadakan bahan pembelajaran yang diubah suai mengikut keperluan murid
- P3 menyediakan perkhidmatan kaunseling
- P4 memberikan sokongan emosi
- P5 mewujudkan persekitaran sekolah yang inklusif dan prihatin
- P6 menyediakan alat bantu khas seperti pembesar suara/papan braille/komunikasi alternatif

(Bentuk bantuan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]****(iv) Cara saya dapat membantu adik saya untuk mengatasi masalah tersebut (masalah pembelajaran)**

- P1 memberi bimbingan tambahan di rumah selepas sekolah
- P2 menyediakan nota ringkas /kaedah pembelajaran yang mudah difahami
- P3 memberikan galakan /pujian apabila adik berjaya menyiapkan kerja
- P4 membantu adik mengurus masa belajar /membuat jadual
- P5 menggalakkan adik bertanya guru atau rakan sekiranya tidak faham akan pelajaran

(Cara yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**[Maksimum : 4 markah]****[Isi cukup : 3 isi]**

Soalan 8 – Novel**(i) Keanehan-keanehan tingkah laku Farisha**

- P1 Farisha langsung tidak bercerita seperti biasa
- P2 Dia hanya duduk diam di dalam kereta
- P3 dia mengenakan sepasang kaca mata hitam yang besar
- P4 bibirnya kelihatan pucat
- P5 Farisha tidak ceria pagi tadi

Nota: Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi soalan 8 (ii)**(ii) Jawapan soalan novel**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
- (d) Bagi 1 markah bagi huraian/contoh yang lengkap/jelas bagi setiap isi. Huraian calon sama ada secara umum atau ada nama watak juga diperiksa seperti biasa.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (1 markah bagi pernyataan isi dan 1 markah huraian/contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah.
- (g) Markah bahasa diberi secara gambaran menyeluruh.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- (h) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (i) Calon tidak menjawab 0 markah.
- (j) Jika calon hanya menulis nama novel dan pengarang sahaja, berikan 0 markah.
- (k) Calon boleh memilih mana-mana 2 buah novel daripada 8 buah novel yang disenaraikan.

Peristiwa yang membuktikan bahawa kebijaksanaan dalam tindakan dapat menyelesaikan pelbagai masalah

Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **Peristiwa:** Adnan bijak membuat keputusan apabila dia tidak jadi bertinju dengan Budin kerana pertandingan tersebut tidak mengikut peraturan yang sebenarnya. Dia menunjukkan badannya yang tidak bengkok atau berdarah kepada Pak Saidi bagi menyangkal dakwaan orang kampung apabila mereka mengadu kepada Pak Saidi bahawa Adnan dan Budin berlawan tinju.

Huraian: Kebijaksanaan membuktikan pertandingan tinju tidak berlaku dapat menyelesaikan masalah dakwaan dan tuduhan orang kampung.

2. **Peristiwa:** Leftenan Adnan membuat keputusan yang bijak apabila beliau menghantar Sophia dan anak-anaknya pulang ke Kampung Sungai Ramal. Tindakan ini dilakukan untuk memastikan keselamatan keluarganya terjamin apabila mendengar ura-ura bahawa Jepun akan menyerang Singapura.

Huraian: Kebijaksanaan menghantar keluarga pulang ke kampung dapat menyelesaikan masalah kebimbangan terhadap keselamatan ahli keluarga daripada menjadi mangsa serangan penjajah.

3. **Peristiwa:** Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera upahan Inggeris apabila mereka memakai pakaian tentera Sikh untuk menggelirukan musuh. Beliau berjaya mengesan pergerakan tentera Jepun itu dan akhirnya, dua puluh orang tentera Jepun yang menyamar telah berjaya dibunuh oleh askar Melayu pimpinan Leftenan Adnan.

Huraian: Kebijaksanaan mengesan penyamaran dapat menyelesaikan tipu helah musuh dan berjaya menyelamatkan askar Melayu daripada terkorban.

4. **Peristiwa:** Kebijaksanaan Leftenan Adnan mengatur strategi peperangan apabila beliau meminta anggotanya menggunakan bom tangan untuk menghalang musuh yang sedang mendaki Bukit Candu serta mengarahkan pasukannya untuk menggunakan bayonet kerana mereka kekurangan senjata dan peluru. Tindakannya ini menyebabkan banyak tentera Jepun terkorban.

Huraian: Kebijaksanaan mengatur strategi peperangan dapat menyelesaikan masalah kekurangan senjata semasa bertempur dengan musuh.

5. **Peristiwa:** Adnan menawarkan diri untuk menyertai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris walaupun dia masih belum fasih berbahasa. Sikap Nizam dan Ah Chong yang memandang rendah kepadanya telah menyebabkan Adnan berlatih menyebut perkataan-perkataan bahasa Inggeris di hadapan keluarganya. Atas kesungguhannya, Adnan telah menjuarai pertandingan tersebut.

Huraian: Kebijaksanaan berlatih menyebut perkataan-perkataan bahasa Inggeris dapat menyelesaikan masalah pandangan rendah rakan-rakan atas kemampuan diri untuk menyertai pertandingan kerana masih belum fasih berbahasa Inggeris.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

Tirani

1. **Peristiwa:** Waheeda bijak dalam usaha memajukan perniagaan apabila dia mendapatkan pinjaman daripada tabung Usahawan Siswazah Bank Pembangunan untuk mengembangkan syarikat Tajau Emas milik keluarganya. Waheeda berusaha bersama-sama ahli keluarganya untuk memajukan perusahaan pelancongan inap desa tersebut sehingga dikenali oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

Huraian: Kebijaksanaan membuat pinjaman bank dapat menyelesaikan masalah kewangan untuk mengembangkan perusahaan pelancongan inap desa.

2. **Peristiwa:** Waheeda bijak menyelesaikan masalah berhubung konfliknya dengan Bazilah dengan cara yang baik. Bazilah banyak membantu Waheeda ketika dia menjalani pembedahan plastik di Singapura. Dia bertindak pindah keluar dari rumah Bazilah kerana tidak mahu hubungannya dengan Bazilah keruh disebabkan Bazilah cemburu akan kemesraan Waheeda dengan tunangnya.

Huraian: Kebijaksanaan keluar dari rumah rakan dapat menyelesaikan masalah keretakan hubungan antara dua orang sahabat baik akibat cemburu.

3. **Peristiwa:** Waheeda bijak mempertahankan maruah dirinya dengan membuat ujian DNA. Waheeda telah memberikan sample rambutnya, rambut Zahid dan rambut Izzati kepada Nurjihan untuk menyangkal dakwaan Zahid yang mengatakan bahawa dia telah curang dan bayi yang dikandungnya bukan anak mereka.

Huraian: Kebijaksanaan membuat ujian DNA dapat menyelesaikan pelbagai masalah salah sangka suami terhadap anak yang dikandung oleh isteri.

4. **Peristiwa:** Waheeda bijak memilih untuk mengenakan pakaian tradisi Sarawak, iaitu Gajoh Oleng atau Gajah Guling berbanding memakai fesyen moden yang mencolok mata dalam pertandingan Ratu Cantik Pelancongan Antarabangsa. Peluang ini secara tidak langsung dapat mempromosikan budaya Sarawak kepada masyarakat. Akhirnya, Waheeda berjaya menjadi johan pertandingan tersebut.

Huraian: Kebijaksanaan memakai pakaian tradisi dapat menyelesaikan masalah pemilihan pakaian yang sesuai untuk mewakili pertandingan ratu cantik demi meningkatkan perniagaan dalam sektor pelancongan.

5. **Peristiwa:** Pak Cik Aziz mengambil tindakan bijak apabila menjual chalet Iwana-Iwani kepada Waheeda apabila sudah tidak mampu menguruskan chalet tersebut yang berdepan dengan masalah kewangan. Waheeda berjaya memajukan chalet ini dan telah menukarkan nama chalet tersebut dengan nama Aya-Sajinah.

Huraian: Kebijaksanaan menjual chalet boleh menyelesaikan masalah kewangan yang dihadapi.

Nota: Peristiwa-peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai.

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - **20 markah**
(b) Bahasa - **10 markah**

(a) **Isi [20 markah]**

Nota

- (i) Panduan mengira perkataan
- tarikh
 - gelaran
 - nama khas
 - penanda wacana
 - peribahasa/pantun
 - perkataan berganda
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - penggunaan kata depan *di* dan *ke* **tidak dikira** sebagai satu perkataan
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurang 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.



SERTAI TELEGRAM @exercise_students

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung pada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 – 10 markah	• Kesenambungan ayat yang <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan
Baik	5 – 7 markah	• Kesenambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan
Sederhana	3 – 4 markah	• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan
Lemah	1 – 2 markah	• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/ fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Markah **isi** merangkumi pendahuluan, isi dan kesimpulan.
- Jika calon memperoleh markah isi 6 markah ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.
- Jika calon menulis setiap perenggan isi yang fokusnya salah atau tidak menulis fokus, berikan 0 markah bagi isi pertama sahaja. Isi seterusnya diperiksa seperti biasa.
- Isi diberi markah seperti biasa walaupun bercampur dengan fokus yang lain.
- Kesimpulan hanya merujuk kepada tema sahaja.

[Maksimum : 10 markah]

Pendahuluan [2 markah]

- P1 ... membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat pelancongan kesihatan dan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia. 2
- P2 ... membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat pelancongan kesihatan. 1
- P3 ... membincangkan cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia. 1

Isi [16 markah]**FOKUS 1: kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / manfaat-manfaat pelancongan kesihatan****Bahan 1**

- A1 menyumbang dan menjana pendapatan negara 2
- A2 (mampu) merencanakan ekonomi setempat 2
- A3 (dapat) membuka peluang pekerjaan kepada rakyat. 2
- A4 mempromosikan nama Malaysia pada peringkat antarabangsa 2
- A5 (dapat) menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat

Bahan 3

- B1 (dapat) menaik taraf kemudahan teknologi dalam bidang kesihatan 2
- B2 (mampu) merangsang inovasi dan penyelidikan dalam bidang perubatan 2

FOKUS 2: Cabaran-cabaran / masalah-masalah / kekangan-kekangan / halangan-halangan memajukan pelancongan kesihatan di Malaysia.**Bahan 1**

- C1 kekurangan tenaga pakar 2
- C2 kemudahan kesihatan yang tidak menukupi 2
- C3 menghadapi persaingan yang sengit terutamanya dari negara jiran 2
- C4 Malaysia masih lagi bergantung pada promosi konvensional 2

Bahan 2

- D1 isu etika dan caj rawatan 2
- D2 penyakit merebak tanpa disangka/diduga (penyakit merebak tanpa amaran) 2

Bahan 3

- E1 kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang tinggi 2

Kesimpulan [2 markah]

- K1 Kesimpulannya, pelancongan kesihatan perlulah dipertingkatkan agar negara sejahtera. 2
- K2 Kesimpulannya, pelancongan kesihatan perlulah dipertingkatkan. 1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT